

26/10/1999

## Agihan kerusi BN kekal

KUALA LUMPUR, Isnin - Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan kuota pengagihan kerusi di kalangan parti-parti komponennya pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN hari ini berkata, jika pun berlaku perubahan, ia hanya membabitkan sebahagian kecil kerusi berikutan pertukaran kawasan.

"Pada waktu ini kita tidak menentukan ... lebih kurang. Kita tidak akan ubah bilangan parti walaupun ada pertukaran kawasan. Kalau satu parti terpaksa gugurkan kerusinya, dia akan diberi tempat lain.

"Pembahagian kerusi adalah mengikut jumlah sekarang di samping mengambil kira juga siapa yang mungkin akan lebih banyak dapat sokongan daripada rakyat," katanya selepas mesyuarat itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), petang ini.

Pada pilihan raya umum 1995, BN bertanding di semua 192 kerusi Parlimen dan 364 kerusi Dewan Undangan Negeri. Daripada jumlah itu, Umno diperuntukkan 103 kerusi Parlimen, MCA (35), MIC (tujuh), Gerakan (10), PBB (10), SNAP (empat), SUPP (tujuh), PBDS (lima), SAPP (tiga), PBRS (dua), Akar Bersatu (dua), PDS (dua), LDP (satu) dan seorang calon BN yang bertanding tanpa mewakili mana-mana parti.

Dalam mesyuarat kira-kira dua jam yang dihadiri oleh semua ketua 14 komponen BN itu, Dr Mahathir berkata, beliau turut meminta semua parti menghidupkan jentera pilihan raya tanpa menunggu penamaan calon.

"Ini bermakna semua parti yang terbabit dalam mana-mana kawasan akan bekerjasama menubuhkan bilik gerakan BN.

"Jika bilik gerakan sudah didirikan oleh parti yang menjadi majoriti dalam kawasan itu dan parti yang mungkin menjadi calon dalam kawasan itu, parti lain akan bekerjasama untuk mengurus jentera pilihan raya dengan bilik gerakan BN yang ditubuh," katanya.

Mesyuarat itu juga bersetuju agar Jawatankuasa Penerangan BN yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, ditubuhkan.

Dr Mahathir berkata, jawatankuasa itu akan menerima segala pertanyaan berhubung persoalan dan isu semasa yang perlu mendapat perhatian BN selain memberi panduan bagaimana menjawab atau menjelaskan isu berkenaan.

Badan kedua yang ditubuhkan ialah Jawatankuasa Manifesto BN yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ia disertai wakil semua parti komponen.

Ditanya kenapa BN belum menyiapkan manifestonya, beliau berkata: "Nampak begitu ... fokus BN ialah untuk memberi penjelasan kepada rakyat mengenai apa perancangan BN untuk masa depan negara.

"Kita akan cuba selesaikan masalah yang dihadapi rakyat dan cuba memberi lebih banyak kemudahan untuk rakyat supaya negara ini akan mempunyai rakyat yang dapat hidup lebih tenteram dan sempurna dengan pendapatan yang baik."

Beliau berkata, tidak ada tempoh ditetapkan kepada jawatankuasa berkenaan untuk menyiapkan manifesto BN.

Ditanya mengenai manifesto bersama yang dilancarkan parti pembangkang dalam Barisan Alternatif, Dr Mahathir berkata, pemimpin parti terbabit boleh berjanji apa saja kepada rakyat kerana menyedari mereka tidak berupaya menunaikannya.

"Dia boleh buat kerana dia boleh janji syurga pun kepada orang kerana